

TAHAP KOMPETENSI PENGETAHUAN GURU TERHADAP PENGGUNAAN BAHAN BERASASKAN TEKNOLOGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI KELAS KAFA MENENGAH NEGERI SELANGOR: KAJIAN RINTIS

(A Pilot Study of Teachers' Competency Levels on the Use of Technology-Based Materials in Teaching and Learning in the Selangor State Secondary KAFA Class)

Maya Shafiqah Shaharom¹, Mohd Faez Ilias², Mohd Izzuddin Mohd Pisol³, Hasrol Basir⁴, Mohd Amin Mohd Noh⁵

Fakulti Pendidikan,
Universiti Islam Selangor
Bandar Seri Putra,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan

Submitted: 15-Mei-2024
Accepted: 27-Mei-2024
Revised: 21-Mei-2024
Published: 30-Jun-2024

*Corresponding author's email: faeez@uis.edu.my

Abstrak

Kegagalan guru dalam melaksanakan PdP menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi adalah disebabkan masalah kompetensi. Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh guru dalam usaha meningkatkan tahap kompetensi dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Aspek ini sebagai penentu bagi memastikan guru dapat menguasai penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kompetensi pengetahuan guru terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi di kelas KAFA menengah (KKM) Negeri Selangor. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif menggunakan set soal selidik yang telah disahkan oleh tiga orang pakar bidang. Kajian rintis mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai Cronbach Alpha $\alpha = 0.97$. Responden kajian ini terdiri daripada 30 orang guru Kelas Kafa Menengah di Selangor yang telah dipilih daripada 3 buah sekolah menengah di daerah Selangor. Dapatan kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens iaitu kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru adalah sederhana tinggi (min = 4.07, SP = 0.45). Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa guru KKM perlu lebih banyak latihan untuk menggunakan BBM yang berasaskan teknologi semasa PdP selaras dengan Pembelajaran Abad ke-21.

Kata Kunci: kompetensi, kelas KAFA menengah, pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar berasaskan teknologi.

Abstract

The failure of teachers in implementing PdP using technology-based teaching aids is due to competence problems. Various challenges faced by teachers in an effort to improve the level of competence from the aspects of knowledge, skills and attitudes. This aspect is decisive to ensure that teachers can master the use of technology-based teaching aids in Teaching and Learning (PdP). Therefore, this study aims to identify the level of competence of teachers' knowledge regarding the implementation of the teaching and learning process using technology-based teaching aids in KAFA middle school (KKM) classes in the State of Selangor. This

study uses a quantitative design using a set of questionnaires that have been validated by three experts in the field. The pilot study achieved a high level of reliability with a Cronbach Alpha value of $\alpha = 0.97$. The respondents of this study consisted of 30 Middle School Kafa Class teachers in Selangor who were selected from 3 secondary schools in the Selangor district. The findings of the study were analyzed using descriptive and inferential statistics such as frequency, percentage, mean and standard deviation. The findings of the study show that the level of teacher knowledge is moderately high (mean = 4.07, SP = 0.45). The implications of this study show that MoH teachers need more training to use BBM based on technology during PdP in line with 21st Century Learning.

Keywords: competence, secondary KAFA classes, teaching and learning, technology-based teaching aids.

1.0 PENDAHULUAN

Kecekapan seseorang dalam melakukan sesuatu tugas dikenali sebagai kompetensi. Istilah ini merujuk kepada keupayaan seseorang untuk melaksanakan apa yang telah diajar. Kompetensi juga merujuk kepada prestasi dan perbuatan rasional untuk memenuhi spesifikasi tertentu apabila melaksanakan tugaspendidikan (Fauzi, 2018). Sehubungan itu, Mok (2013) menyatakan bahawa guru yang mahir dalam pengajaran mempunyai kepakaran dalam menyampaikan bahan pengajaran secara tersusun dan sistematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Malahan, guru juga boleh menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) untuk membantu murid memahami idea dalam bilik darjah. Apabila seseorang menggunakan dan mengembangkan buah fikiran dengan cara yang sistematik, efektif, efisien, kreatif dan inovatif, elemen pengetahuan juga boleh dilihat. Menurut Vathanophas & Thai-ngam (2017), kompetensi merangkumi pengetahuan, kemahiran, kebolehan, sifat dan tingkah laku yang membolehkan seseorang melaksanakan tugas dalam fungsi atau kerja tertentu. Konsep kompetensi juga membentuk sumber pengurusan manusia. Kompetensi guru khususnya dalam aspek pengajaran dalam bilik darjah, guru perlu mempunyai keupayaan untuk mencapai matlamat pembelajaran yang membolehkan murid memperoleh pengetahuan, menguasai kemahiran, dan menjadi kreatif dan inovatif.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Menurut Abu Bakar (2021), guru yang cemerlang dan kreatif dalam menyampaikan isi pelajaran akan membantu murid memahami konsep atau kemahiran tertentu. Sebaliknya, guru yang tidak kompeten dalam mendidik murid akan menghadapi masalah proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka. Pengetahuan, kemahiran, dan sikap keperibadian seseorang guru adalah antara komponen kompetensi yang terlibat dalam isu ini. Masalah utama mengapa guru kurang kompeten dalam pengajaran mereka adalah kerana tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi. Terdapat juga guru yang tidak kompeten, dimana sukar untuk menggunakan kemahiran mereka, terutamanya dalam pembelajaran yang berbentuk amali. Selain itu, sikap peribadi yang negatif juga boleh menghalang seorang guru daripada berjaya dalam kerjayanya. Walaupun ramai guru yang telah lama bekerja dalam profesion keguruan, terdapat ramai guru yang tidak kreatif dalam menyampaikan isi pelajaran dan kemahiran amali. Hal ini akan menyebabkan murid sukar untuk memahami konsep atau kemahiran terutamanya dalam mata pelajaran yang sukar untuk difahami. Malahan murid tidak akan

berminat untuk pergi ke sekolah disebabkan oleh pengajaran guru yang kurang menarik minat murid dan tidak tertumpu kepada pelajaran. Oleh itu, penyampaian isi pelajaran dengan berkesan, guru perlu mempunyai pengetahuan dalam menyampaikan isi Pelajaran dan berinovatif serta mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran, strategi pengajaran dan Bahan Bantu Mengajar (BBM). Hal ini jelas bahawa guru memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi yang berkualiti tinggi (Buntat, 2010).

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa isu penting yang dihadapi oleh guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Antara isu yang dihadapi oleh guru telah dikenal pasti iaitu kekurangan pengetahuan dan pendidikan khususnya dalam pengaplikasian pelbagai kaedah pembelajaran abad ke-21 yang menggunakan teknologi serta kekurangan pengalaman yang mencukupi dalam mengajar subjek ini. Selain itu, menurut Akbari, (2019) ramai dalam kalangan guru Pendidikan Islam tidak mempunyai strategi perancangan yang tersusun dalam penggunaan BBM semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Oleh itu, seseorang guru perlu memiliki elemen kompetensi untuk menjadi guru yang baik seperti menguasai kandungan subjek yang diajar, berpengetahuan dalam pedagogi dan berupaya memilih sumber pengajaran. Bordeianu, (2019).

Selain itu, guru di Malaysia tidak memikirkan bahawa penggunaan teknologi memberi manfaat dan mendatangkan faedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan terutama dalam usaha meningkatkan pengetahuan konseptual dan prosedural murid menurut (Akhimullah Abd Hamid, 2019). Kaedah pengajaran konvensional lebih memfokuskan kepada penyampaian maklumat kepada murid (Naquiah Nahar & Jimaain Safar, 2018) mengakibatkan proses pengajaran menjadi kurang berkesan, menyebabkan murid merasakan terbeban dan menjadikan beban kognitif murid meningkat (Hasnah, 2017).

Menurut Ahmad Fauzi et al. (2018), kaedah pengajaran tradisional tidak memberi peluang kepada murid untuk membuat penerokaan idea di samping mengambil masa penyampaian yang Panjang (Abdul Halim Masnan, 2019), menjadikan murid berasa bosan dan mudah terganggu (Abu Bakar, 2021). Pengajaran konvensional juga tidak berupaya memberi gambaran visualisasi bagi menambahkan kefahaman murid dalam sesuatu topik menyebabkan murid tidak dapat menguasai konsep dengan baik

4.0 SOROTAN LITERATUR

Tahap pengetahuan guru KKM dalam penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam sesi PdP di sekolah KKM sering dihadapi dengan beberapa isu dan masalah yang memerlukan perhatian. Salah satu isu utama ialah kurangnya pemahaman mendalam guru KKM terhadap kepelbagaian dan keberkesanan BBM yang sesuai. Beberapa guru KKM mengalami kekangan dalam pengetahuan teknologi dan multimedia yang relevan untuk memilih serta mengintegrasikan BBM secara efektif dalam pengajaran (Siraj, 2012). Masalah lain melibatkan kekurangan sumber daya dan akses terhadap peralatan teknologi dalam mengembangkan BBM yang kreatif. Keterbatasan akses kepada perisian, aplikasi, dan peralatan multimedia yang berkualiti dapat menghalang guru KKM daripada menghasilkan atau menggunakan BBM yang memenuhi standard kualiti dan kriteria sesi PdP.

Kekangan kurikulum dan tuntutan masa juga menjadi masalah dalam peningkatan pengetahuan guru. Yusop et, al mengatakan bahawa guru KKM menghadapi kesukaran untuk memperbaharui pengetahuan mereka berkenaan

dengan kecanggihan teknologi dan aplikasinya. Untuk mengatasi isu ini, inisiatif pendidikan berterusan dan latihan teknologi yang bersifat kontekstual dan praktikal perlu diwujudkan. Sumber daya dan bantuan teknikal yang mencukupi perlu disediakan untuk guru KKM agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan mereka dan mengatasi kekangan dalam menggunakan BBM secara lebih berkesan dan bermakna dalam proses sesi PdP di sekolah KKM.

Perubahan berlaku dengan begitu pantas dalam era globalisasi. Penggunaan teknologi maklumat sebagai alat penghubung menjadi agenda utama dalam menentukan arah tujuan perubahan ke dunia siber. Adalah menjadi satu keperluan dalam bidang pendidikan untuk sama- sama mengharungi perubahan ini bagi menyesuaikan dengan keadaan yang ada. Langkah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memulakan projek Sekolah Bestari dianggap satu langkah bijak yang mana dapat menggabungkan teknologi maklumat ke dalam bidang pendidikan. Hal ini merupakan satu transformasi pendidikan iaitu bermula dari kaedah tradisional yang mana guru adalah pemberi maklumat dan beralih kepada kaedah yang lebih canggih iaitu dengan menggunakan teknologi maklumat yang terdiri dari sistem rangkaian elektronik dan komputer dalam bilik darjah (Bordeianu, 2019).

Oleh yang demikian, Pengetahuan guru KKM juga menjadi penentu keberkesanan dalam memilih BBM yang bersifat interaktif, menyeronokkan, dan sesuai dengan peringkat perkembangan murid (Abdul Salam, 2010). Guru yang terampil dalam menilai kualiti BBM dapat memastikan penggunaannya sejajar dengan objektif pembelajaran, mencapai tahap kecekapan dan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

5.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berpandukan kepada objektif yang ditetapkan adalah untuk mengenalpasti tahap kompetensi pengetahuan guru Kelas KAFA Menengah (KKM) di Selangor terhadap penggunaan bahan berasaskan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala persoalan kajian yang perlu dijawab bagi melengkapkan kajian ini adalah "Apakah tahap kompetensi pengetahuan guru Kelas KAFA Menengah (KKM) di Selangor terhadap penggunaan bahan berasaskan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran?"

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Nilai min yang diperolehi daripada sampel kajian ditunjukkan dalam bentuk jadual dan interpretasi nilai yang dibuat berdasarkan jadual interpretasi tahap skor min Jadual 1.1.

Jadual 1 Interpretasi tahap skor min (Nunnally & Bernstein, 1994)


| Skor Min | Interpretasi Skor Min |
|-------------|-----------------------|
| 1.00 – 2.00 | Rendah |
| 2.01 – 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 – 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 – 5.00 | Tinggi |

Sumber: Psychometric Theory, 3rd edn, 1994 (Nunnally & Bernstein, 1994)

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu borang soal selidik diedarkan untuk mengumpul data. Reka bentuk deskriptif digunakan untuk mengenal pasti tahap kompetensi pengetahuan guru Kelas KAFA Menengah (KKM) di Selangor terhadap penggunaan bahan berasaskan teknologi dalam pengajaran dan

pembelajaran. Seramai 30 orang guru Kafa dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Borang soal selidik telah diedarkan. Item yang berbentuk skala likert digunakan untuk mengenal pasti tahap persetujuan sampel terhadap pernyataan yang disediakan. Sebanyak 18 item berkenaan dengan pengetahuan guru Kafa menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Responden telah menjawab pernyataan yang disediakan berdasarkan skala Likert iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Kurang setuju, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju. Data yang dikumpulkan telah dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 26. Nilai Alpha Cronbach bagi Tahap kompetensi pengetahuan guru terhadap penggunaan BBM berasaskan teknologi dalam PdP di Sekolah KKM Negeri Selangor 0.97 menunjukkan nilai yang tinggi, manakala item soal selidik ini boleh diguna pakai. Bagi pembangunan item soal selidik pengkaji telah mengenal pasti beberapa instrumen kajian yang bersesuaian. Sebagai contoh terdapat instrumen kajian penerimaan teknologi dalam e-pembelajaran yang telah dibina oleh Sundaravej (2010), Handayani dan Sudiana (2015). Walau bagaimanapun pengkaji telah membuat keputusan untuk menggunakan item-item daripada soal selidik Sundaravej (2010) kerana maksud setiap item adalah jelas dan menjurus kepada penerimaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi. Data yang berbentuk kekerapan, peratusan dan min telah diperolehi setelah analisis data dijalankan.

Menurut Lunsford & Lunsford (1995), teknik pensampelan rawak mudah digunakan kerana ia sangat ideal untuk mewakili subjek yang terlibat dan mengelakkan berlakunya berat sebelah dalam pemilihan sampel. Kaedah proses pengumpulan dan juga pensampelan yang digunakan di dalam kajian ini adalah dirumuskan pada rajah 1 di bawah.



Rajah 1 Proses persampelan yang digunakan dalam kajian ini

7.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 Tahap Kompetensi Pengetahuan Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Kelas Kafa Menengah Negeri Selangor

| Descriptive Statistics | | | | | | | | |
|------------------------|-----|----|----|----|----|------|----------------|-------------------|
| | STS | TS | KS | S | SS | Mean | Std. Deviation | Interpretasi Data |
| B1 | 0 | 0 | 2 | 24 | 4 | 4.07 | .450 | Tinggi |
| B2 | 0 | 1 | 3 | 23 | 3 | 3.93 | .583 | Sederhana Tinggi |
| B3 | 1 | 0 | 4 | 22 | 3 | 3.87 | .730 | Sederhana Tinggi |

| | | | | | | | | |
|-----|---|---|----|----|---|------|------|------------------|
| B4 | 1 | 0 | 4 | 23 | 2 | 3.83 | .699 | Sederhana Tinggi |
| B5 | 0 | 2 | 1 | 24 | 3 | 3.93 | .640 | Sederhana Tinggi |
| B6 | 1 | 0 | 3 | 24 | 2 | 3.87 | .681 | Sederhana Tinggi |
| B7 | 0 | 1 | 7 | 21 | 1 | 3.73 | .583 | Sederhana Tinggi |
| B8 | 0 | 1 | 4 | 24 | 1 | 3.83 | .531 | Sederhana Tinggi |
| B9 | 0 | 1 | 6 | 22 | 1 | 3.77 | .568 | Sederhana Tinggi |
| B10 | 0 | 1 | 16 | 12 | 1 | 3.43 | .626 | Sederhana Tinggi |
| B11 | 0 | 1 | 6 | 21 | 2 | 3.80 | .610 | Sederhana Tinggi |
| B12 | 0 | 1 | 5 | 22 | 2 | 3.83 | .592 | Sederhana Tinggi |
| B13 | 0 | 1 | 7 | 21 | 1 | 3.73 | .583 | Sederhana Tinggi |
| B14 | 0 | 1 | 6 | 22 | 1 | 3.77 | .568 | Sederhana Tinggi |
| B15 | 0 | 2 | 2 | 24 | 2 | 3.87 | .629 | Sederhana Tinggi |
| B16 | 0 | 1 | 4 | 23 | 2 | 3.87 | .571 | Sederhana Tinggi |
| B17 | 0 | 1 | 5 | 23 | 1 | 3.80 | .551 | Sederhana Tinggi |
| B18 | 0 | 2 | 6 | 21 | 1 | 3.70 | .651 | Sederhana Tinggi |

Item yang memperolehi nilai min yang tertinggi di antara 18 item pada Bahagian B ini adalah item B1 iaitu "Saya tahu menggunakan PowerPoint untuk menayangkan bahan pelajaran kepada murid" yang mencatatkan nilai min 4.07. Dapatan kajian mendapati seramai 4 orang responden (13.3%) menyatakan sangat setuju dan seramai 24 orang responden (80.0%) menyatakan setuju manakala seramai 2 orang responden (6.7%) menyatakan kurang setuju. Hal ini menunjukkan, bahawa ramai dalam kalangan guru Kelas KAFA Menengah (KKM) setuju dengan penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi dengan menggunakan PowerPoint. Seterusnya, item yang mendapat nilai min kedua tertinggi adalah item B2 iaitu "Saya mempunyai pengetahuan dalam membangunkan BBM berasaskan teknologi" dan B5 " Saya tahu menghasilkan BBM yang dapat memberi motivasi kepada pelajar untuk belajar yang mencatatkan nilai min 3.93 Seramai 23 orang responden (76.7%) meyatakan setuju serta seramai 10 orang responden (33.4%) menyatakan sangat setuju manakala yang menyatakan kurang setuju adalah seramai 5 orang responden (16.7%) dan seramai 1 orang responden (3.3%) menyatakan tidak setuju serta seramai 3 orang responden (10.0%) menyatakan sangat setuju.

Item yang mencatatkan nilai min ketiga tertinggi adalah item B3 "Saya tahu mengendalikan peralatan teknologi untuk menyokong aktiviti pembentangan murid", yang mencatatkan nilai min 3.87. Seramai 22 orang responden (73.3%) menyatakan setuju dengan item ini, manakala seramai 3 orang responden (10.0%) menyatakan sangat setuju. Seramai 4 orang responden (13.3%) menyatakan kurang setuju, bagi 1 orang responden (3.3%) menunjukkan sangat tidak setuju. Item yang mencatatkan nilai min sederhana tinggi ialah item B4 iaitu "Saya mempunyai pengetahuan mengendalikan BBM berasaskan teknologi di sekolah KKM" dengan 3.83. Dapatan bagi item ini ialah seramai 23 orang responden (76.7%) yang menyatakan setuju. Manakala seramai 2 orang responden (6.7%) menunjukkan sangat setuju, dan seramai 4 orang (13.3%) menunjukkan kurang setuju dan seramai 1 orang (3.3%) menyatakan sangat tidak setuju. Seterusnya item B11 iaitu " Saya tahu menggunakan semua peralatan BBM berasaskan teknologi yang ada dengan baik" yang mencatatkan nilai min 3.80. Seramai 21 responden (70.0%) menyatakan setuju, manakala seramai 2 responden (6.7%) menyatakan sangat setuju, seramai 6 responden (20.0%) menyatakan kurang setuju dengan item ini dan seramai 1 (3.3%) responden menyatakan tidak setuju. Item B9 "Saya membaca pengetahuan terkini berkaitan pengajaran berasaskan teknologi" yang mencatatkan nilai min 3.77. Dapatan menunjukkan seramai 22 responden (73.3%) menyatakan setuju, manakala seramai 1 responden (3.3%) menyatakan sangat setuju, seramai 6 responden (20.0%) menyatakan kurang setuju dengan item ini dan seramai 1 (3.3%) responden

menyatakan tidak setuju. Bagi item B7 "Saya menyampaikan pengetahuan kandungan KKM lebih baik menggunakan bahan berasaskan teknologi" mencatatkan nilai min 3.73. Dapatan menunjukkan seramai 21 responden (70.0%) menyatakan setuju, manakala seramai 7 responden (23.3%) menyatakan sangat setuju, seramai 1 responden (3.3%) menyatakan kurang setuju dengan item ini dan seramai 1 (3.3%) responden menyatakan tidak setuju. Nilai min terendah ialah item B10 "Saya berkeupayaan mengatur strategi dalam proses pengajaran menggunakan BBM berasaskan teknologi" menunjukkan nilai min 3.43. Dapatan menunjukkan seramai 12 responden (40.0%) menyatakan setuju, manakala seramai 1 responden (3.3%) menyatakan sangat setuju, seramai 16 responden (53.3%) menyatakan kurang setuju dengan item ini dan seramai 1 (3.3%) responden menyatakan tidak setuju. Hal ini menunjukkan bahawa, secara keseluruhannya menunjukkan majoriti bersetuju dengan item ini.

8.0 PERBINCANGAN

Tahap kompetensi pengetahuan guru KAFA terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah KKM Negeri Selangor. Hasil dapatan yang dianalisis secara terperinci bagi mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan, kemahiran guru dan sikap guru terhadap penggunaan teknologi dalam PdP. Berdasarkan jadual analisis data menunjukkan bahawa PowerPoint adalah alat yang umum digunakan dan efektif untuk menyajikan bahan pelajaran kepada murid. Penggunaan PowerPoint dalam proses pengajaran. Hal ini menunjukkan, bahawa ramai dalam kalangan guru KAFA setuju dengan penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi dengan menggunakan PowerPoint. Dapatan ini selari dengan dapatan yang dilakukan oleh guru-guru pendidikan Islam yang mengajar di sekolah menengah di Selangor bahawa guru-guru tersebut mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap penggunaan teknologi dengan nilai purata 4.24 (Maimun Aqsyah Lubis, Wan Nurul Syuhada wan Hassan, 2017). Ini jelas menunjukkan bahawa guru KAFA di Negeri Selangor mempunyai item tertinggi iaitu item "Saya tahu menggunakan PowerPoint untuk menayangkan bahan pelajaran kepada murid" yang mencatatkan nilai min tertinggi iaitu nilai min = 3.63 dan sisihan piawai = 0.87.

Kaedah pembelajaran berbantuan Media iaitu PowerPoint dapat mengatasi masalah guru dalam mengajar murid-murid yang lemah serta Pembelajaran berbantuan PowerPoint dapat memberi peluang kepada murid belajar dan memahami konsep mengikut keupayaan diri. Menurut Ahmad (2009), kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantuan PowerPoint ini dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baru dan suasana pembelajaran yang sihat serta seronok untuk murid.

Seterusnya, dapatan menunjukkan bahawa responden memberikan penilaian positif terhadap kemampuan dalam menghasilkan BBM (Bahan Belajar dan Mengajar) yang dapat memberi motivasi kepada pelajar untuk belajar. Selari dengan pembelajaran abad ke-21 dimana penggunaan teknologi perlu digunapakai untuk menghasilkan proses PdP yang menarik dan terancang, pada masa yang sama guru dapat menghasilkan BBM yang berkesan dan dapat menarik perhatian murid dengan penggunaan teknologi. Sumber berlawanan dengan dapatan Abdul & Abu, 2011; Salim, 2015 menunjukkan bahawa penggunaan perisian dalam pembelajaran terutamanya dibina mengikut silibus mata pelajaran yang melibatkan subtopik yang banyak dan pelbagai. Hal ini menunjukkan bahawa guru perlu mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam penggunaan teknologi, namun penggunaannya lebih tertumpu kepada murid arus perdana dengan tujuan

meningkatkan prestasi pembelajaran mereka dan meningkatkan motivasi dalam pembelajaran.

Persepsi responden terhadap kemampuan dalam menyampaikan pembelajaran menggunakan bahan teknologi menunjukkan tahap yang tinggi dan guru bersetuju bahawa penggunaan BBM yang berasaskan teknologi memberi kesan yang positif dan dapat meningkatkan penggunaan teknologi secara efektif. Selari dengan kajian Norlida (2010) mengatakan bahawa pengetahuan guru menggunakan TMK ialah pengetahuan mengenai cara – cara penggunaan perkakasan TMK, pengetahuan tentang matlamat penggunaan

TMK, pengetahuan tentang proses – proses dalam melaksanakan penggunaan TMK, pengetahuan tentang isi kandungan yang sesuai menggunakan TMK, serta pengetahuan tentang kaedah PdP dalam melaksanakan penggunaan TMK. Oleh hal yang demikian, teknologi sebagai komponen penting dalam pembaharuan kurikulum yang lebih meluas yang mengubah bukan sahaja bagaimana murid belajar tetapi juga apa yang mereka belajar.

Dengan memahami tahap pengetahuan guru dalam mengendalikan BBM berasaskan teknologi dapat memberikan pandangan yang lebih jelas tentang pengembangan profesional dan sokongan yang mungkin diperlukan untuk meningkatkan integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (Pdp). Kajian (Andoh, 2012; Aziz, 2013; Kamis & Khalid, 2017; Shanmugam & Balakrishnan, 2018; Mahdum et al., 2019) yang menunjukkan para guru kurang mendapat pendedahan mengenai perisian yang baru menyebabkan guru – guru ini tidak berkemahiran dan kurang berpengetahuan untuk menggunakan perisian yang terbaru menjadi salah satu faktor PdP tidak berjalan dengan lancar. Secara keseluruhannya guru KAFA perlu menambahkan pengetahuan, kemahiran serta kecekapan menggunakan teknologi serta menggandakan usaha bagi mencari kaedah terbaik untuk mengintegrasikan penggunaan berasaskan teknologi semasa PdP.

8.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Cadangan Kajian Lanjutan Melalui hasil dapatan kajian ini, pengkaji telah mengetengahkan beberapa cadangan untuk dipertimbangkan oleh pengkaji-pengkaji lain yang perlu mereka teroka berkaitan dengan bahan bantu mengajar ini.

Kajian ini hanya melibatkan guru Kelas KAFA Menengah (KKM) di negeri Selangor dibawah kendalian Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Oleh itu, diharapkan supaya kajian lanjutan dapat melibatkan guru Pendidikan Khas agar kita dapat melihat bagaimanakah tahap kompetensi guru dalam penggunaan BBM dalam kalangan guru Pendidikan Khas. Hal ini kerana, terdapat dapatan kajian lepas yang mengatakan, PdPc Pendidikan Khas sangat istimewa berbanding PdPc yang biasa, kerana memerlukan masa yang lama untuk menyiapkan PdPc tersebut. Kajian ini boleh dikembangkan lagi terhadap pelbagai jenis sekolah yang ada dibawah kendalian JAIS seperti Kelas Al- Quran & Fardhu Ain (KAFA), Al- Quran & Fardhu Ain Integrasi (KAFAI), Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS), Sekolah Agama Menengah (SAM) dan Sekolah Agama Menengah Tinggi SAMT.

Fokus kajian ini adalah pada bidang tauhid sahaja, malah dalam Kelas Kafa Menengah (KKM) mempunyai pelbagai bidang iaitu bidang Hadis, Tajwid, Bahasa Arab, Feqah, Tafsir dan Akhlak. Diharap agar kajian lanjutan dapat mengkaji dalam bidang lain di Kelas Kafa Menengah (KKM) negeri Selangor.

Selain itu, pengkaji mencadangkan agar penyelidik yang lain menggabungkan kedua- dua kaedah kajian iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif.

Hal ini kerana agar kajian lanjutan dapat memberikan dapatan kajian yang lebih berkesan serta lebih berkualiti.

Akhir sekali, pengkaji mencadangkan agar populasi informan lebih diperluaskan kepada guru Pendidikan mata pelajaran selain Pendidikan Islam di sekolah-sekolah lain untuk mengenalpasti keberkesanan penggunaan BBM dalam PdPc mereka, adakah terdapat perbezaan yang ketara antara guru Pendidikan bagi mata pelajaran lain.

9.0 KESIMPULAN

Semua guru harus sentiasa melengkapinya dengan pengetahuan yang mencukupi dan membuat penambahbaikan, terutamanya jika mereka ingin berjaya membuat anjakan paradigma dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Dalam konteks ini, pengetahuan yang dimaksudkan termasuk menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih inovatif dan kreatif untuk menarik perhatian dan minat murid terhadap kandungan pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Oleh itu, adalah penting bagi guru untuk mempersiapkan diri dengan maklumat dan bersedia untuk menggunakan pendekatan pengajaran yang mereka percaya akan mempunyai kesan positif terhadap kanak-kanak. Untuk memastikan bahawa hasil pembelajaran yang berkaitan dengan isi kandungan murid adalah tepat dan sesuai dengan tahap perkembangan murid, guru prasekolah perlu menyediakan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang selaras dengan perkembangan murid.

10. RUJUKAN

- Ahmad, A. M (2009). Tahap Kesediaan Pengetahuan Dan Kemahiran Amali Guru PKPG Sekolah Rendah Mengajar Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Bakar, M. H. (2021). Cabaran Memperkasakan Pendidikan Teknik Dan Vokasional. Prosiding Penyelidikan TVET Peringkat Negeri
- Ariffin, N (2005). Persepsi Pelajar Terhadap Sikap, Pengetahuan Dan Kemahiran Dalam Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Akademik Di Batu Pahat. Projek Sarjana .
- Ariffin, S. (2006). Tahap Kompetensi Guru Sekolah Rendah Terhadap Pengajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris. Tesis Universiti Teknologi Malaysia, Jabatan Asas Pendidikan .
- Azura binti Mohd Nor & Sabariah binti Sharif, (2018). Penggunaan Bahan Visual Di Kalangan Guru Teknikal: Universiti Malaysia Sabah.
- Azliza, C. M, & Lilia, H. (2002). Reka Bentuk Dan Keberkesanan Pembelajaran Berbantuan Multimedia Pendekatan Konstruktivisme Bagi Sains Kbsm. Jurnal Teknologi , 19-38.
- Abdul Halim Masnan, (2019). Pengetahuan Pengajaran dalam Kalangan Guru Prasekolah. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak, 33-41.
- Akbari, R. and Tajik, L. (2019). Teachers' Pedagogic Knowledge Base: A Comparison Between Experienced and Less Experienced Practitioners. Australian Journal of Teacher Education, 34(6), 52-73.
- Akhimullah Abd Hamid, A. R. (2019). Concept, Issues and Challenges for Effective Facilitations in History Education. Social Sciences, Education and Humanities Vol (2), 176-181.
- Bordeianu, (2019). Exploring Global Competencies for Future Educators: Investigating Students 39; Global Competency Level in Teacher Preparation

- Programs-Traditional Versus Global Education (Doctoral dissertation, Oakland University).
- Buntat, (2012). Faktor-Faktor Yang Mendorong Kreativiti Di Kalangan Pelajar. *Journal Of Educational Psychology And Counseling*, Volume 2 ,175-208.
- Baharuddin Aris dan Norsyafrina Abd Rahman (2010). *Pembangunan Kamus Fizik Interaktif Berasaskan Web: AskPhysics*. Projek Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Chee, J. N. (2018). Isu Pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi dalam kalangan guru prasekolah. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(1), 7-21.
- Fauzi, I. (2018). Model Kompetensi : Wajarkah Sektor Awam Meniru Sektor Swasta. *Jabatan Perkhidmatan Awam*.
- Haslina binti Hamzah, N. S. (2017). Hubungan Cabaran Guru Bukan Opsyen, Kurikulum Dan Iklim Sekolah Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Beberapa Sekolah Rendah Agama Jais Daerah Hulu Langat Selangor. Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan (SPEN2017). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Hasnah, I. (2017). Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 56-65.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mok, S. S. (2013). *UKELP Bahagian C : Inventori Sahsiah Keguruan (3rd)*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Naquiah Nahar, & Jimaain Safar. (2018). Penguasaan pengetahuan kandungan (content knowledge): pemangkin keterampilan pedagogi Jawi berkesan abad ke-21. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 8(1), 45-59.
- Siraj, S. (2012). *Standard Kompetensi Guru Malaysia*. Pelan Pembangunan Pendidikan Kebangsaan. Sulaiman, E. (2002). *Profesionalisme Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Thai-Ngam, V. &. (2017). *The Competency Standard Project*. The National Center For Higher Education Management Systems CHEA.